

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JAN 2015



Najib bersalaman dengan pelajar dan pegawai pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ketika tiba di London.

[FOTO BERNAMA]

PM mula lawatan kerja di London BH 26/1/2015

London: Datuk Seri Najib Razak tiba di sini semalam untuk lawatan kerja dua hari.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor mendarat di Lapangan Terbang Luton pada 3.15 pagi (11.15 pagi Ahad di Malaysia).

Mereka disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Ahmad Rasidi Hazizi.

Najib tiba di sini dari Riyadh selepas menghadiri majlis pemakaman Raja

Arab Saudi, Raja Abdullah Abdul Aziz yang mangkat pada pagi Jumaat.

Perdana Menteri sebelum itu telah memendekkan lawatan beliau ke Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland berikutan kemangkatan Raja Arab Saudi.

Sempena lawatan ke United Kingdom (UK), Perdana Menteri dijangka mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya David Cameron, hari ini.

Menurut kenyataan Ke-

menterian Luar, pertemuan itu bagi membincangkan perkara berkaitan hubungan dua hala serta perkembangan isu-isu serantau dan antarabangsa

Rasmi Pusat Sains Razak
Perdana Menteri akan turut merasmikan Pusat Sains Razak (RSC) di Malvern College, Worcestershire, iaitu kolej lamanya.

Najib melanjutkan pelajaran menengah dari tahun 1968 hingga 1971 di Malvern

College, iaitu sekolah berasrama dan sekolah harian yang diasaskan pada 1865 dan adalah antara sekolah perendirian terkemuka di UK.

Pusat Sains Razak dinamakan sempena nama Najib kerana mengikut budaya Barat, beliau dikenali sebagai Encik Razak pada masa itu.

RSC akan menjadi pusat setempat bagi semua aktiviti dan pembelajaran berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan serta matematik kolej itu.

BERNAMA